


PM seru rakyat ambil peluang inisiatif peluang kerjaya anjuran KPT

BERNAMA



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. FOTO BERNAMA

Batu Pahat: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyeru masyarakat mengambil peluang untuk memanfaatkan pelbagai inisiatif berkaitan peluang kerjaya yang dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beliau berkata melalui program seperti PENJANA KPT-CAP, PENJANA KPT-PACE, dan [GetHired@KPT](#) serta MyFutureJobs akan membantu mengurangkan lagi kadar pengangguran di negara ini ke paras di bawah 4.2 peratus.

"Apa yang pasti, program-program ini adalah berbentuk titik sentuh dan bertujuan untuk menyantuni keperluan denyut nadi rakyat," katanya semasa berucap pada Karnival KPT Keluarga Malaysia di Parit Sulong, dekat sini hari ini.

Memberi contoh, Ismail Sabri berkata seperti program MYFutureJobs, berdasarkan rekod yang ada sebanyak 63,990 jawatan kosong di Johor ditawarkan melalui portal program berkenaan.

"Untuk tempoh karnival ini sahaja, saya difahamkan lebih 3,000 kekosongan jawatan ditawarkan. Justeru, saya menyeru semua yang hadir, untuk mengambil peluang ini dan menguar-uarkan juga kepada saudara-mara di luar sana yang memerlukan pekerjaan," katanya.

Disiarkan pada: Februari 18, 2022